

UTUSAN MALAYSIA • ISNIN 26 MAC 2018



# Ekonomi negara capai KPI

Oleh IRMAN HASHIM  
pengarang@utusan.com.my

■ KUALA LUMPUR 25 MAC

**P**ELBAGAI inisiatif yang dilaksanakan oleh kerajaan berjaya memacu pembangunan dan peningkatan ekonomi negara di sebalik ketidaktentuan persekitaran ekonomi dunia berdasarkan Laporan Tahunan Program Transformasi Negara (NTP) 2017.

Menteri Kewangan II, Datuk Seri Johari Abdul Ghani berkata, pembentangan laporan itu oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak menunjukkan negara berjaya mencapai petunjuk prestasi utama (KPI) pembangunan ekonomi yang telah ditetapkan untuk tahun lepas.

“Malaysia mencatatkan pembangunan ekonomi sebanyak 5.9 pada tahun lepas walaupun menghadapi pelbagai cabaran daripada ketidaktentuan harga komoditi, tukaran wang asing dan ketidakstabilan geopolitik serantau,” katanya dalam sidang akhbar Persidangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) negeri di sini hari ini.

Beliau mengulas pembentangan NTP yang dibentangkan oleh Perdana Menteri kelmarin.

Yang turut hadir Presiden Angkasa, Datuk Abdul Fattah Abdullah.

Johari berkata, kejayaan itu juga dicapai ekoran kestabilan politik negara yang memainkan peranan penting dalam menarik pelaburan asing.

“Bagi sesbuah negara membina infrastrukturnya, memerlukan modal. (justeru) kestabilan politik memainkan peranan penting untuk menarik dan memberi keyakinan pelaburan,” katanya.

Beliau berkata, sektor swasta juga memainkan peranan utama dalam menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara yang menyebabkan kerajaan sentiasa membantu membuka peluang baik dari segi polisi mahu pun peluang dalam usaha meningkatkan sektor itu.

“Jika dilihat dalam gerakan koperasi sahaja mereka telah menyumbang sebanyak RM140 billion setakat tahun ini



JOHARI ABDUL GHANI (dua dari kanan) menerima cenderamata daripada Abdul Fattah Abdullah (kanan) selepas merasmikan Persidangan Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa) Wilayah Persekutuan di Kuala Lumpur, semalam. Turut hadir Pengurus Jawatankuasa Perhubungan Angkasa Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Zulkifli Jamaludin (kiri). - UTUSAN/ABDUL RAZAK LATIF

Dalam pada itu, beliau sekali lagi mengingatkan rakyat supaya berbelanja mengikut kemampuan bagi mengelak menghadapi masalah kewangan pada kemandian hari,

“Ramai yang mengadu tidak merasa pembangunan ekonomi yang diuar-uarkan. Bagi saya ia

bersangkutan dengan cara pengurusan kewangan individu tersebut. Jika seseorang itu berpendapatan sebanyak RM5,000 sebulan berbelanjalah mengikut keperluan dan bukan seperti mereka yang bergaji RM10,000.

“Berdasarkan rekod Agensi Kaunseling dan Pengurusan

Kredit (AKPK), ketika ini hamipir 600,000 orang mendapatkan khidmat agensi itu akibat kegalan menguruskan kewangan diri dengan kebanyakan membabitkan pinjaman di luar daripada kemampuan, pakai kad kredit, pinjaman kenderaan dan rumah,” katanya.

Perpustakaan Koperasi Malaysia